



SIARAN AKHBAR

MUZAKARAH SYARIAH KEWANGAN ISLAM 2025

**Sutera Hall, The Rizqun International Hotel
Hari Rabu, 21 Jamadilawal 1447 bersamaan 12 November 2025**

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengadakan Muzakarah Syariah Kewangan Islam pada hari Rabu, 12 November 2025 di Rizqun International Hotel. Muzakarah tersebut telah dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah (LPKS) dan Badan Penasihat Syariah (BPS) Institusi-institusi Kewangan Islam (IKI), serta pegawai-pegawai kanan dan wakil-wakil dari BDCB dan IKI.
2. Dengan tema “Memperkasa Tenaga Kerja Syariah Industri Kewangan Islam Tempatan”, acara ini menekankan pentingnya membentuk tenaga kerja Syariah yang kompeten dan bersedia menghadapi masa hadapan, termasuk BPS dan pegawai fungsi kawalan Syariah, di samping menangani cabaran baharu dalam menyokong pertumbuhan dan memastikan integriti industri kewangan Islam.
3. Acara dimulakan dengan ucapnama oleh Yang Mulia Hajah Rashidah binti Haji Sabtu, Pengarah Urusan BDCB, yang menekankan mandat BDCB dalam memastikan kestabilan kewangan melalui pengawalseliaan dan penyeliaan secara berterusan selaras dengan perkembangan semasa. Beliau menjelaskan bahawa perkara ini merangkumi penggubalan peraturan-peraturan yang bersesuaian, termasuk yang berkaitan dengan pematuhan Syariah, bagi memastikan operasi dan aktiviti institusi kewangan Islam adalah mengikut kehendak *Hukum Syara’*. Beliau turut menegaskan bahawa pelaksanaan yang berkesan memerlukan komitmen yang kukuh di peringkat BPS, pihak pengurusan dan fungsi kawalan Syariah sebagaimana yang digariskan dalam rangka kerja tadbir urus Syariah.
4. Program diteruskan dengan dua pembentangan oleh BDCB yang menggariskan inisiatif-inisiatif utama untuk memperkukuh dan mempersiapkan profesion Syariah dalam industri kewangan Islam bagi menghadapi masa hadapan. Pembentangan pertama membentangkan strategi pembangunan jangka pendek, sederhana dan panjang untuk membentuk kumpulan penasihat Syariah yang lebih kukuh melalui sokongan pengawalseliaan, pembangunan kapasiti, kumpulan kajian dan pendedahan antarabangsa. Ini diikuti dengan pengenalan draf Rangka Kerja Kompetensi Penasihat Syariah yang menyediakan panduan jelas mengenai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh penasihat Syariah, serta menyokong institusi kewangan Islam dalam aspek pelantikan, penilaian prestasi, latihan dan perancangan penggantian bagi memastikan tadbir urus Syariah yang mantap di seluruh industri.
5. Sesi petang menampilkan dua perbincangan panel terdiri daripada ahli-ahli BPS dan pengamal fungsi kawalan Syariah dari institusi kewangan Islam tempatan. Panel membincangkan cabaran utama tadbir urus dan pelaksanaan dalam memperkukuh amalan Syariah dalam industri kewangan Islam. Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada peranan BPS yang semakin berkembang dalam

memastikan pematuhan terhadap *Hukum Syara'*, serta tahap kesediaan industri dalam melaksanakan tadbir urus Syariah dan fungsi kawalan yang lebih berkesan selaras dengan keperluan pengawalseliaan BDCB.

6. Muzakarah ini diakhiri dengan pembentangan draf resolusi yang bertujuan menjadi rujukan dan panduan kepada pihak berkepentingan serta pengamal tadbir urus Syariah di seluruh industri kewangan Islam bagi merangka strategi khusus di institusi masing-masing bagi memperkukuh tadbir urus Syariah dan amalan pematuhan.



Brunei Darussalam Central Bank

Ref: BDCB/COMMS/3

Date: 10 Jamadilakhir 1447H / 1 Disember 2025M